

SOALAN NO: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA [KETEREH]**

SOALAN :

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar Bin Musa [Ketereh] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berpuas hati dengan tahap kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam pelaksanaan projek-projek dan aktiviti Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah terjalin sejak sekian lama berdasarkan semangat di dalam Perlembagaan Persekutuan. Negeri Kelantan merupakan salah satu dari 14 buah negeri dalam pembentukan negara Malaysia telah mengalami perubahan kepimpinan politik sejak awal merdeka sehingga ke hari ini.

Dalam melaksanakan projek-projek mahu pun aktiviti-aktiviti, Kerajaan Persekutuan sentiasa mendahulukan keperluan rakyat. Kerjasama dari Kerajaan Negeri Kelantan amat diperlukan dalam menelusuri gelombang perubahan dan ekspektasi rakyat yang semakin kompleks dewasa ini. Dalam konteks ini, Kerajaan Persekutuan sentiasa menghormati bidang kuasa dalam Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan yang mengandungi senarai persekutuan, senarai negeri serta senarai bersama. Pemisahan kuasa atau *separation of power* inilah yang menjadi tunjang demokrasi berparlimen selama ini.

Dalam melaksanakan projek-projek fizikal di negeri Kelantan, Kerajaan Persekutuan tidak berdepan masalah besar untuk membangunkan sekolah-sekolah, klinik kesihatan dan klinik desa, jalan-jalan kampung, masjid-masjid dan surau-surau, dewan dan balai raya, longkang dan parit, gelanggang sukan dan lain-lain projek yang berteraskan kepada keperluan rakyat.

Secara kesimpulannya, tahap kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan adalah memuaskan dan diharapkan kerjasama seperti ini akan terus terjalin demi kepentingan rakyat Kelantan secara keseluruhannya.

Sekian. Terima kasih.